

28 NOV 1996

PELAN: KUALITI PENTING DALAM MENGEKALKAN PROSES PERINDUSTRIAN M'SIA, KATA PM

KUALA LUMPUR, 28 Nov (Bernama) -- Kebolehan mengekalkan usaha perindustrian di Malaysia banyak bergantung kepada kemampuan untuk terus mempertingkatkan kualiti barangan dan perkhidmatan yang dikeluarkan, demikian dinyatakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini.

Sambil menyifatkan kualiti sebagai "kelebihan utama untuk masa depan," perdana menteri menambah bahawa usaha perlu dipergiatkan bagi memperkenalkan Malaysia sebagai pengeluar barangan dan perkhidmatan yang berkualiti di dunia.

Dalam perutusan yang terkandung di dalam laporan Pelan Induk Perindustrian Kedua (PIP2) yang beliau lancarkan petang ini, perdana menteri berkata penekanan terhadap peningkatan daya pengeluaran dan daya saingan di peringkat sejagat akan menjadi lebih ketara ketika Malaysia giat berusaha untuk mencapai matlamat jangka panjangnya untuk mencapai status negara maju menjelang 2020.

Proses perindustrian Malaysia pada alaf akan datang perlu lebih bersifat inovatif memandangkan cabaran-cabaran serta peluang-peluang baru yang terdapat di peringkat domestik dan antarabangsa, jelas beliau.

Pelancaran PIP2 yang meliputi tempoh 1996-2005 menjadi bukti tentang kesungguhan kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebuah negara perindustrian yang maju sepenuhnya, jelas perdana menteri.

Kejayaan perlaksanaan PIP2 yang berakhir menjelang tahun 2005 yang juga merupakan separuh penggal kepada Wawasan 2020 adalah penting dalam mencapai wawasan tersebut.

Menurut beliau, peralihan Malaysia kepada sebuah negara maju memerlukan usaha bagi mempercepatkan pengeluaran barangan bernilai tambah yang memerlukan penggunaan modal dan teknologi secara besar-besaran, penggunaan tenaga manusia secara cekap serta penggunaan pengetahuan dan maklumat pengeluaran secara menyeluruh dalam proses pengeluaran.

"Peralihan kepada keupayaan bersaing dan pertumbuhan berasaskan produktiviti memerlukan usaha yang lebih bersepadu dalam meningkatkan kemajuan teknologi, inovasi dan kemampuan teknologi tempatan, bekalan sumber manusia berkualiti yang mencukupi dan prasarana ekonomi serta khidmat sokongan yang penting," tambah beliau.

Untuk meningkat kualiti memerlukan pelaburan besar dalam bidang penyelidikan dan pembangunan (R&D), kata Dr Mahathir sambil menambah bahawa oleh itu syarikat-syarikat Malaysia perlu menggiatkan lagi usaha-usaha masing-masing dalam bidang berkenaan.

Bagaimanapun, menurut beliau, usaha ke arah meningkatkan kualiti tidak sepatutnya mengorbankan alam sekitar kerana pembangunan ekologi yang seimbang adalah penting dalam mencapai pembangunan mampan sektor pembuatan dan ekonomi Malaysia.

Usaha-usaha juga patutlah ditumpu ke arah memajukan proses pengeluaran dan teknologi yang serasi dengan alam sekitar, tambah beliau.

Perdana menteri seterusnya berkata program-program pembangunan yang digariskan di bawah PIP2 bertujuan memenuhi keperluan negara dengan secepat mungkin melalui latihan sumber tenaga yang bertaraf tinggi, perolehan dan penyesuaian teknologi, penyediaan suasana perniagaan yang lebih anjal serta penyediaan prasarana yang termaju dan berkualiti.

Industri kecil dan sederhana (IKS) pula, menurut beliau, memainkan peranan penting dalam usaha menambah nilai kandungan tempatan proses

perindustrian manakala usaha mewujudkan IKS yang berdaya saing serta berorientasikan global dengan operasi yang bertaraf dunia adalah penting untuk mengekalkan pertumbuhan daya tahan sektor pembuatan.

Dr Mahathir berkata sungguhpun proses perindustrian Malaysia akan terus diterajui oleh sektor swasta dan berteraskan keperluan pasaran, kerajaan akan terus memberi bimbingan melalui pembentukan dasar dan garis panduan serta memastikan kewujudan iklim pelaburan yang menarik.

Kerjasama serta gandingan baik antara kerajaan dan sektor swasta yang sedia ada akan terus dipupuk kerana ia merupakan antara faktor terpenting bagi Malaysia untuk memasuki dekad akan datang.

Sementara itu, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz pula berkata PIP2 memberi penekanan kepada pentingnya asas ekonomi yang lebih baik serta usaha mewujudkan syarikat-syarikat perkilangan Malaysia yang berorientasikan eksport yang bukan saja menyokong pembangunan industri domestik malah juga industri yang berorientasikan eksport.

Dalam pendahuluan yang terkandung di dalam laporan berkenaan beliau berkata PIP2 memerlukan pembentukan wawasan industri yang menyeluruh dan bersepadu yang mengandungi sektor pembuatan dan perkhidmatan sokongan perniagaan.

"Strategi perkilangan Malaysia bukan saja memerlukan kita bergerak seiring dengan keseluruhan rantai nilai tetapi apa yang lebih penting ialah memberi penekanan terhadap pertumbuhan berasaskan pengeluaran yang akan mengalih keseluruhan rantai nilai ke paras yang lebih tinggi," kata Rafidah.

PIP2 juga akan mengamalkan pendekatan perindustrian berkelompok sebagai asas bagi pembangunan perindustrian yang lebih bersepadu dan mantap, tambah beliau.

PIP2 akan dilaksanakan sebagai satu pelan bergerak dan kajian semula yang berterusan terhadap unjuran dan fokus utamanya akan memastikan pembangunan sektor perkilangan boleh diubah suai dan memberi respons yang segera kepada perubahan persekitaran domestik dan antarabangsa.

Menurut beliau, sektor tersebut yang akan terus menjadi daya penggerak utama kepada pertumbuhan dianggarkan menyumbang 38.4 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) menjelang tahun 2005 dengan kadar pertumbuhan purata tahunan sebanyak 10.7 peratus dalam tempoh separuh pertama tempoh berkenaan dan 8.3 peratus dalam tempoh separuh kedua. --

BERNAMA

LKC DIN MA